

PM junjung tinggi titah, nasihat Sultan Perak

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menjunjung tinggi titah dan nasihat Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang menekankan amanah kepimpinan, pemerkasaan pendidikan serta pengurusan hal ehwal Islam yang berkesan dan berintegriti sebagai asas penting dalam mendepani cabaran semasa umat Islam di negara ini.

Perdana Menteri berkata demikian selepas menghadiri Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam

Malaysia (MKI) Kali Ke-74 yang dipengerusikan Sultan Nazrin, di ibu negara, semalam.

Menurut Anwar, titah berkenaan amat bermakna dan wajar dihayati bersama sebagai panduan dalam memperkukuh nilai, ilmu dan nurani umat Islam selaras dengan tuntutan semasa.

"Mesyuarat berkenaan turut mencerminkan semangat muafakat dan kebersamaan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri dalam merangka pandangan serta keputusan

strategik demi kepentingan umat Islam, selaras dengan keperluan semasa dan realiti masyarakat majmuk Malaysia.

"Kerajaan Madani akan terus membulatkan tekad untuk memperkukuh urusan hal ehwal Islam secara inklusif dan berkesan melalui semangat musyawarah antara negeri, berpaksikan Perlembagaan Persekutuan serta didukung oleh nilai dan aspirasi Malaysia Madani demi kesejahteraan umat dan keharmonian negara yang berpanjangan," katanya menerusi ke-

nyataan di Facebook miliknya, semalam.

Terdahulu, Sultan Nazrin menegaskan mengenai kepentingan untuk mengangkat dan menghormati keputusan dibuat MKI.

Sultan Nazrin bertitah, segala ketetapan dan rumusan yang dicapai menerusi MKI tidak sepatutnya berakhir sebagai 'dokumen bertulis' semata-mata.

Baginda bertitah, ia wajib disusuli tindakan bersungguh-sungguh oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri serta agensi berkaitan.